

**PEGANGAN AGAMA DALAM KALANGAN BELIA AWAL PELBAGAI KAUM DI MALAYSIA**  
**(RELIGIOUS STAND AMONG MULTI-RACIAL EARLY YOUTH IN MALAYSIA)**

Dzuhalimi Dahalan, Steven Eric Krauss, Azimi Hamzah & Abd Hadi Sulaiman

**Abstrak**

Artikel ini membincangkan tahap pegangan agama dalam kalangan belia awal pelbagai kaum di Malaysia. Dapatkan yang dibentangkan secara deskriptif ini merupakan sebahagian daripada dapatan kajian yang lebih besar mengenai Pembentukan Model Risiko dan Faktor Penyebab Fenomena Keluar Agama dalam kalangan Belia di Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif ke atas 1893 pelajar tingkatan empat di seluruh negara melibatkan beberapa negeri terpilih. Kajian mendapati belia pelbagai kaum di Malaysia mempunyai tahap pengamalan agama yang rendah. Keadaan yang sama turut berlaku ke atas sosialisasi agama responden dengan rakan-rakan dari sudut perbincangan iman/kepercayaan. Selain itu, kajian turut mendapati faktor ibu bapa dan rakan-rakan sebagai rujukan dalam perkara keimanan begitu penting dari sudut menyokong pegangan iman/kepercayaan belia. Belia dilihat masih memiliki identifikasi pegangan agama yang kuat di dalam menjustifikasikan dirinya dengan agamanya serta dirinya dengan komuniti seagama. Ringkasnya, walaupun agama begitu signifikan dalam kehidupan belia, namun tahap amalan agama dilihat sedikit longgar. Peningkatan sosialisasi agama dengan ibu bapa dan rakan-rakan dilihat berpotensi menyumbang ke arah tahap pengamalan agama yang lebih positif dalam kalangan belia pelbagai kaum di Malaysia.

*Kata kunci:* Pegangan agama, Belia awal, Pelbagai kaum, Malaysia

**Abstract**

This article discusses on the level of religious stand among multi-racial early youth in Malaysia. The findings are presented in a descriptive manner in this article is a part of the larger study on Model Development for Risk and Causal Factors of Malaysian Youth Apostasy. This study used a quantitative approach to 1893 form four students across the country involving some selected states. The study found that multi-racial youth in Malaysia have a low level of religious practice. Similar finding also occurs on the respondents' religious sosialization with peers in terms of faith/belief discussion. Futhermore, the study also found that the factors of parents and peers as a reference towards faith matters were very important in supporting of youth faith/belief. Youth is still seen having a strong religious identification in justifying themselves in their religion as well as in their religion community. In short, eventhough religion is very significant in youth life, but the level of religious practice is still loose. An increase in religious sosialization with parents and peers has the potential to contribute towards a more positive religion practice among multi-racial youth in Malaysia.

*Keywords:* Religious stand, Early youth, Multi-racial, Malaysia

## 1.0 PENDAHULUAN

Agama berperanan penting mencorak kehidupan belia pada masa kini dan hadapan. Pegangan agama yang longgar dikhawatir membawa akibat yang buruk, bukan sahaja pada diri belia itu sendiri, malah dalam kehidupan berkeluarga, bermasyarakat dan bernegera. Di Malaysia, belia mewakili 42.5 peratus<sup>1</sup> bilangan penduduk Malaysia (Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2013). Jumlah yang besar sememangnya sangat berpotensi mencorakkan persekitaran. Umur belia dikelaskan sebagai “taufan dan tekanan” (Stanley, 1904). Pada peringkat ini, individu belia dikatakan berusaha keras untuk membina identiti diri, sekaligus mencari tempat dalam masyarakat (Erikson, 1964). Justeru, agama merupakan prinsip yang sepatutnya dipegang oleh belia dalam membuat keputusan yang betul dan adil mengenai dirinya, keluarganya, masyarakatnya dan negaranya.

## 2.0 KESAN PEGANGAN AGAMA DALAM KEHIDUPAN BELIA

Agama merupakan kepercayaan kepada Tuhan dan sifat-sifat serta kekuasaan Tuhan dan penerimaan ajaran dan perintah-Nya (Kamus Dewan, 2000). Jalaludin (2004) menjelaskan agama sebagai kekuatan ghaib yang diyakini berada di atas kekuatan manusia didorong oleh kelemahan dan keterbatasannya. Menurutnya, manusia rasa berhajat akan pertolongan dengan cara menjaga dan membina hubungan yang baik dengan kekuatan ghaib tersebut. Maka, berlaku sifat patuh terhadap perintah dan larangan kekuatan ghaib itu.

Agama merupakan satu anutan dan kepercayaan yang berkembang sebagai suatu ilmu pendidikan jiwa (dalaman) yang mengajar manusia untuk menyelami jiwa mereka sendiri serta hubungkaitnya dengan kekuasaan Tuhan (Khadijah *et al.*, 2013). Firth (1961) melihat agama sebagai satu gerakan kuasa yang paling kuat dalam aktiviti manusia, sama ada secara individu ataupun sosial. Teras agama menurutnya adalah kepercayaan kepada suatu kuasa yang luar biasa (*supernature*). Sementara itu, Sabiq (1993) menyatakan agama mempunyai suatu kekuasaan yang tertinggi dalam hati dan jiwa serta memberikan kesan yang mendalam terhadap perasaan. Menurut Emmons (1999), agama memberi makna kepada kewujudan manusia dengan pengukuhan matlamat dan sistem nilai berkaitan dengan semua aspek kehidupan.

Bagi belia yang berusaha memahami maksud kehidupan, agama bertindak memberi makna kepada ketidakfahaman yang berlaku seiring perubahan-perubahan yang terjadi ketika proses perkembangan dirinya (Garbarino, 2000). Erikson (1968) mengatakan perkembangan psikososial pada tahap ini (belia)<sup>2</sup> dianggap begitu penting. Mengimani atau meyakini agama yang dianuti merupakan asas yang boleh mendorong belia dari terjebak ke dalam tingkah laku sosial yang negatif. Setiap masa dan keadaan mengkehendaki belia membuat keputusan yang betul bukan sahaja pada pandangan dirinya, bahkan adil pada pandangan norma kehidupan manusia. Keputusan yang dibuat akan menghasilkan bentuk tingkah laku.

Beberapa kajian di Barat menunjukkan belia yang berpegang teguh dengan agama mempunyai tahap keterlibatan yang rendah dengan aktiviti yang tidak sihat (Gorsuch, 1995; Johnson *et al.*, 2002). Kajian yang dijalankan oleh Donahue dan Benson (1995), Francis (1997) dan Steinman (2004) menjelaskan agama merupakan faktor pelindung kepada belia

<sup>1</sup> Data Jabatan Perangkaan Malaysia 2006-2011 adalah melibatkan kategori umur 15-39 tahun sahaja, dalam talian <http://www.ippbm.gov.my>

<sup>2</sup> Kategori umur belia di Malaysia adalah 15-40 tahun berbeza dengan definisi umur belia Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) iaitu 15-24 tahun.

dari melakukan tingkah laku yang menyalahi undang-undang. Belia yang berpegang teguh pada agama berpotensi mengatur kehidupannya dengan lebih tenang, sempurna dan sejahtera (McCullough & Willoughby, 2006). Michelle *et al.*, (1989) mendapati pegangan agama yang sempurna boleh menjadi asas bagi belia ke arah berfikir dengan bijak sebelum melakukan sesuatu yang tidak bermoral. Justeru, faktor pelindung dari sudut pegangan agama amat diperlukan belia kerana kumpulan ini berada di peringkat pembesaran dan pencarian identiti (Corcoran & Nichols-Casebot, 2004; Wallace *et al.*, 2007).

Berhubung senario belia di Malaysia, Robiah (2001) menjelaskan kepercayaan agama merupakan suatu tenaga paling unggul untuk mencegah dan menentang segala unsur negatif yang menyerang emosi dan mental golongan ini. Fauziah *et al.*, (2012) dalam kajiannya yang mengenalpasti tahap pengetahuan agama dalam kalangan belia yang terlibat dengan tingkah laku menyalahi undang-undang negara dan sedang menjalani pemulihan akhlak di tiga buah sekolah pemulihan akhlak terpilih di Malaysia mendapati majoriti responden (89.5%) mempunyai tahap pengetahuan agama yang sederhana. Kajian mereka merumuskan semakin tinggi pengetahuan agama, maka semakin rendah kecenderungan remaja untuk terlibat dengan aktiviti yang tidak bermoral dan menyalahi undang-undang negara. Selain itu, kajian Sharifah *et al.*, (2010) berkenaan fenomena rempit dalam kalangan belia mendapati belia yang mendapat bimbingan positif daripada keluarga serta mempunyai kesedaran agama yang tinggi mampu berdepan dengan cabaran persekitaran negatif selain berupaya mencegah mereka daripada terlibat dengan tingkah laku yang berisiko.

### **3.0 METODOLOGI**

#### **3.1 Pensampelan**

Sampel kajian terdiri daripada 1893 orang, pelajar tingkatan empat di 16 sekolah menengah terpilih di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Sekolah-sekolah dipilih secara rawak mudah daripada senarai sekolah di Malaysia melalui laman web Jabatan Pelajaran Negeri yang dipilih. Responden merupakan pelajar tingkatan empat oleh kerana polisi Kementerian Pelajaran Malaysia yang tidak membenarkan pelajar yang menduduki peperiksaan penting pada tahun semasa seperti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) terlibat dengan kajian.

#### **3.2 Prosedur**

Sebelum aktiviti pengumpulan data dijalankan, borang soal selidik di pra uji ke atas 31 orang pelajar tingkatan empat di sekolah berhampiran dengan kawasan kampus. Ia bertujuan untuk memastikan kejelasan item kajian dan kebolehpercayaan skala. Semasa sesi pra uji, responden digalakkan untuk memberi maklumbalas spontan ke atas mana-mana item yang dirasakan tidak jelas atau sukar difahami. Semua item yang dikenalpasti tidak jelas berdasarkan perspektif responden telah distruktur semula selepas daripada itu. Instrumen pengukuran yang digunakan adalah merupakan instrumen yang telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu oleh penyelidik dan kemudiannya disemak bersama bagi memastikan keselarasan dan ketepatan ayat. Penyelidik turut menterjemah set instrumen ke Bahasa Mandarin dan Tamil sebagai set yang berasingan dengan menggunakan khidmat enumerator berkelayakan yang diberi upah. Ia bertujuan untuk diagihkan kepada responden yang menghadapi kesukaran memahami Bahasa Melayu.

Sebelum aktiviti pengumpulan data sebenar dijalankan, kebenaran untuk menjalankan kajian di sekolah-sekolah terpilih dipohon kepada setiap Jabatan Pelajaran Negeri.

Permohonan kebenaran dikemukakan dengan melampirkan bersama surat ‘kebenaran bersyarat’ yang diperoleh penyelidik daripada Kementerian Pelajaran Malaysia. Kebenaran bersyarat dari pihak kementerian mengkehendaki penyelidik untuk turut mendapatkan kebenaran dari ibu bapa responden yang terlibat. Melalui kebenaran yang diperoleh dari kementerian dan jabatan pelajaran negeri, proses seterusnya adalah mendapatkan kebenaran pihak sekolah dan ibu bapa responden (pelajar tingkatan 4). Surat kebenaran beserta borang persetujuan untuk membenarkan anak jagaan menyertai kajian turut di edarkan kepada wakil pihak sekolah, untuk dimajukan kepada ibu bapa/penjaga pelajar. Bagi sekolah-sekolah yang jauh, penyelidik menghantar salinan faksimili kepada guru yang bertanggungjawab agar jumlah salinan edaran yang perlu dapat dibuat. Kos membuat salinan surat kebenaran ibu bapa ditanggung oleh penyelidik dengan mengembalikan wang yang digunakan oleh guru berkaitan semasa sesi pengumpulan data sebenar. Maklumbalas yang diperoleh penyelidik, semua ibu bapa/penjaga responden telah bersetuju untuk membenarkan anak jagaan mereka menyertai kajian ini.

Semasa sesi pengumpulan data, penyelidik terlebih dahulu memberi penerangan ringkas kepada responden berkenaan tujuan kajian serta teknik menjawab soal selidik. Responden digalakkan untuk menjawab semua soalan kaji selidik. Di samping itu, responden turut diperingatkan bahawa penyertaan mereka adalah secara sukarela, serta mereka bebas untuk mengelak dari memberi maklumbalas pada mana-mana soalan yang mereka rasa tidak perlu. Secara purata, responden mengambil masa antara 30 ke 45 minit untuk melengkapkan borang soal selidik. Tempoh kerja lapangan mengambil masa lebih kurang 7 bulan iaitu bermula pada bulan Ogos 2012 sehingga Februari 2013 (tidak termasuk bulan Disember 2012 yang merupakan cuti sesi persekolahan Malaysia). Semua data telah diinput, dibersihkan serta dianalisis menggunakan SPSS versi 20.

### **3.3 Pengukuran**

#### **Pengamalan Agama**

Pengamalan agama responden diukur menggunakan versi adaptasi Skala Tingkahlaku Agama (*Religious Behaviours Scale*) oleh Williams dan Lawler (2001). Pengukuran ini menilai komponen tingkah laku identiti keseluruhan responden seperti yang dinyatakan dalam item soalan. Terdapat 9 item keseluruhan yang diukur dalam kajian ini. Daripada keseluruhan jumlah item, 6 item mengukur Keimanan/kepercayaan Individu (*Personal Faith*) seperti berdoa atau bertafakur; membaca Quran atau kitab suci; tindakan berdasarkan keimanan; perbincangan iman dengan orang lain; membantu orang lain berdasarkan tuntutan iman; dan patuh pada tuntutan agama. Manakala, terdapat 3 item yang mengukur Keterlibatan dalam Komuniti Agama (*Religious Community Involvement*) iaitu menghadiri masjid/gereja/rumah ibadat; menghadiri aktiviti atau kelas keagamaan; dan khidmat/menjadi sukarelawan untuk masjid/gereja/rumah ibadat/projek badan keagamaan, jawatankuasa, atau kumpulan belia berteraskan agama. Terdapat 1 item daripada skala asal berhubung sokongan kewangan (*financial support*) telah dikeluarkan kerana ketidaksesuaian item dengan faktor umur kumpulan responden. Menggunakan skala-4 mata dari 1=tidak pernah kepada 4=selalu, nilai *Cronbach alpha* bagi Skala Tingkahlaku Agama kajian ini ialah .67.

#### **Sosialisasi Agama**

Sosialisasi agama diukur berdasarkan persepsi responden berhubung perbincangan iman dan rujukan dalam perkara keimanan (*faith modelling*). Skala Persepsi Sokongan Iman (*Perceived*

*Faith Support Scale*) oleh Schwartz (2006) telah diguna pakai. Bagi setiap pengukuran (perbincangan iman dan rujukan dalam perkara keimanan), responden ditanya tentang bagaimana kaitan mereka pada 8 item berdasarkan skala 4-mata dari 1=tidak pernah kepada 4=selalu. Contoh item perbincangan iman adalah “Saya membaca dan bercakap mengenai Quran/Bible/kitab suci dengan ibu bapa saya” dan “Ibu bapa dan saya bercakap mengenai bagaimana untuk menjadi sebagai seorang Islam/Kristian/Hindu/lain-lain”. Item yang serupa turut diukur tetapi dalam konteks perbincangan iman yang berlaku antara responden dengan rakan-rakan. Manakala contoh item rujukan dalam perkara keimanan responden adalah seperti “Ibu bapa menjadi contoh kepada saya memahami apa erti menjadi seorang yang benar-benar Islam/Kristian/Hindu/lain-lain” dan “Ibu bapa saya menjalani kehidupan mereka berlandaskan keimanan pada setiap masa”. Pengukuran dalam konteks rakan-rakan sebagai rujukan dalam perkara keimanan turut menggunakan item yang sama. Nilai *Cronbach alpha* bagi sub-skala perbincangan iman dan model keimanan/kepercayaan responden ialah .86 dan .88.

### **Identifikasi dalam Kumpulan**

Identifikasi dalam kumpulan diukur menggunakan versi adaptasi Skala Identifikasi dalam Kumpulan (*In-Group Identification Scale*) oleh Leach et al., (2008). Skala asal mempunyai 2 dimensi hierarki iaitu tahap-kumpulan pelaburan-diri (*group-level self-investment*) dan tahap-kumpulan definisi-diri (*group-level self-definition*). Kedua-dua dimensi ini mempunyai 5 komponen khusus iaitu rasa kepunyaan (*belongingness*); kepuasan (*satisfaction*); keutamaan di tahap-kumpulan dimensi pelaburan-diri (*centrality under the group-level self-investment dimension*); stereotaip-diri individu (*individual self-stereotyping*); dan dalam kumpulan homogen bagi dimensi tahap-kumpulan definisi-diri (*in-group homogeneity under the group-level self-definition dimension*). Bagi kajian ini, penyelidik hanya menggunakan dimensi *group-level self-investment* dengan memurnikan keseluruhan skala sebagai satu komponen. Ringkasnya, komponen yang diukur dari skala ini terdiri dari komponen rasa kepunyaan yang mengandungi 3 item. Contoh salah satu item “Saya rasa saya mempunyai ikatan yang kukuh dengan komuniti seagama dengan saya”. Kemudian, komponen kepuasan yang mengandungi 5 item, salah satu item adalah seperti “Menjadi orang Islam/Kristian/Hindu/ lain-lain adalah menyentuh perasaan saya”. Manakala komponen akhir iaitu keutamaan (*centrality*) yang mengandungi 3 item seperti contoh “Kenyataan bahawa saya adalah orang Islam/Kristian/Hindu/lain-lain adalah sangat penting bagi identiti pengenalan saya”. Terdapat satu item tambahan yang diadaptasi penyelidik bagi komponen kepuasan iaitu “Saya menyukai komuniti seagama dengan saya dan tidak pernah terfikir untuk menukar kepercayaan yang saya anuti”. Item-item diukur menggunakan skala 5-mata dari 1=sangat tidak bersetuju hingga 5=sangat bersetuju. Nilai *Cronbach alpha* bagi skala identifikasi dalam kumpulan ialah .74.

## **4.0 HASIL KAJIAN**

### **4.1 Profil Responden**

Profil demografi responden dalam Jadual 1 diterangkan mengikut jantina, etnik dan tempat tinggal. Dari segi jantina, seramai 53.7 peratus responden adalah lelaki manakala 46.3 peratus perempuan. Pecahan mengikut etnik pula menunjukkan sebahagian besar responden diwakili oleh dalam kalangan Melayu (55.5%), diikuti etnik lain-lain (18.6%), Cina (16.1%) dan India (9.8%). Profil tempat tinggal responden pula menunjukkan 56.8 peratus tinggal di kawasan

bandar manakala selebihnya tinggal di luar bandar (43.2%). Semua responden yang terlibat merupakan belia berumur 16 tahun.

### Jadual 1 Profil Demografi Responden (n=1893)

Latarbelakang	Peratus
Jantina	
Lelaki	53.7
Perempuan	46.3
Etnik	
Melayu	55.5
Cina	16.1
India	9.8
Lain-lain	18.6
Tempat tinggal	
Bandar	56.8
Luar bandar	43.2

### 4.2 Pengamalan Agama, Sosialisasi Agama dan Identifikasi dalam Kumpulan

Tahap pengamalan agama dan sosialisasi agama responden dibahagikan kepada 2 kategori berdasarkan skor min. Tahap rendah/negatif [ $M=1.00 - 2.50$ ] dan tinggi/positif [ $M=2.51 - 4.00$ ]. Manakala, penentuan tahap pegangan agama berdasarkan identifikasi dalam kumpulan ditentukan melalui min konstruk yang dibahagikan kepada 3, iaitu pegangan agama rendah [ $M=1.00 - 2.33$ ], sederhana [ $M=2.34 - 3.66$ ] dan tinggi [ $M=3.67 - 5.00$ ].

Bagi menghuraikan keseluruhan setiap konstruk pengukuran, jumlah keseluruhan min dikira dan dibahagikan dengan jumlah item untuk menghasilkan min keseluruhan. Dapatkan kajian menunjukkan min responden bagi tahap pengamalan agama [ $M=2.5095$ ,  $S.P=.56951$ ]; perbincangan iman [ $M=2.4566$ ,  $S.P=.68089$ ]; rujukan dalam perkara keimanan [ $M=2.7925$ ,  $S.P=.6649$ ] dan identifikasi dalam kumpulan [ $M=4.2026$ ,  $S.P=.76573$ ].

Secara keseluruhannya, kajian mendapati rata-rata responden menunjukkan tahap pengamalan agama yang rendah. Namun, skor min yang diperolehi dilihat sedikit menghampiri tahap pengamalan agama yang tinggi. Skor yang rendah juga didapati dari sudut perbincangan iman di antara responden dengan rakan sebaya. Walaupun begitu, skor yang tinggi ditunjukkan responden dalam menilai ibu bapa sebagai rujukan dalam perkara keimanan yang mereka anuti (*faith modelling*). Di samping itu, identifikasi responden dalam kumpulan juga memperlihatkan persepsi positif dari sudut pegangan agama responden.

Analisis seterusnya menilai secara deskriptif dapatan setiap item bagi konstruk-konstruk pegangan agama yang dikaji. Bagi tahap pengamalan agama, kajian mendapati skor amalan agama yang tinggi dalam kalangan responden dilakukan pada “Berdoa atau bertafakur” [ $M=3.1055$ ]; “Menghadiri masjid/gereja/rumah ibadat” [ $M=2.7708$ ]; “Patuh pada arahan dan tuntutan agama anda” [ $M=2.6997$ ]; “Membantu orang lain semata-mata untuk mendapat keredhaan Allah/Tuhan” [ $M=2.5729$ ] dan “Menghadiri aktiviti atau kelas keagamaan” [ $M=2.5139$ ].

Pada masa yang sama, beberapa amalan menunjukkan skor min yang rendah dalam kalangan responden. Amalan tersebut ialah “Khidmat/menjadi sukarelawan untuk

masjid/gereja/rumah ibadat/projek badan keagamaan, jawatankuasa, atau kumpulan belia berteraskan agama (secara individu atau dalam talian)” [ $M=1.8578$ ]; “Berbincang tentang keimanan anda dengan orang lain” [ $M=2.2548$ ]; “Mengaji atau membaca Qur'an/Bible/kitab suci” [ $M=2.4759$ ] dan “Tindakan atau keputusan anda berdasarkan keimanan” [ $M=2.4882$ ]. Jadual 2 meringkaskan taburan skor amalan agama belia berbilang kaum di Malaysia.

**Jadual 2 Taburan Min Responden Pelbagai Kaum berdasarkan Pengamalan Agama (n=1893)**

Bil.	Item	Min	S.P
1.	Berdoa atau bertafakur	3.1055	.91703
2.	Mengaji atau membaca Qur'an/Bible/kitab suci	2.4759	.88485
3.	Tindakan atau keputusan anda berdasarkan keimanan	2.4882	.83297
4.	Berbincang tentang keimanan anda dengan orang lain	2.2548	.87337
5.	Membantu orang lain semata-mata untuk mendapat keredhaan Allah/Tuhan	2.5729	.92451
6.	Patuh pada arahan dan tuntutan agama anda	2.6997	.88083
7.	Menghadiri masjid/gereja/rumah ibadat	2.7708	.89783
8.	Menghadiri aktiviti atau kelas keagamaan	2.5139	.91242
9.	Khidmat/menjadi sukarelawan untuk masjid/gereja/rumah ibadat/projek badan keagamaan, jawatankuasa, atau kumpulan belia berteraskan agama (secara individu atau dalam talian)	1.8578	.97410

Konstruk seterusnya adalah sosialisasi agama belia dari sudut perbincangan iman. Ia mengukur persepsi responden terhadap kekerapan perbincangan iman yang berlaku antara mereka dengan ibu bapa serta rakan-rakan. Dapatan kajian menunjukkan hanya 3 daripada 8 item diberikan skor yang tinggi. Item-item tersebut ialah “Ibu bapa dan saya berbincang tentang bagaimana untuk menghampirkan diri kepada Tuhan” [ $M=2.7847$ ]; “Saya bersembahyang bersama dengan rakan-rakan saya” [ $M=2.7104$ ] dan “Ibu bapa dan saya bercakap mengenai bagaimana untuk menjadi sebagai seorang Islam/Kristian/Hindu/lain-lain” [ $M=2.6640$ ].

Baki item menunjukkan skor yang rendah. Item-item tersebut ialah item 1 [ $M=2.2600$ ]; 2 [ $M=2.4889$ ]; 5 [ $M=2.1730$ ]; 6 [ $M=2.2697$ ] dan 7 [ $M=2.3296$ ]. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat 2 item yang sama tetapi mempunyai konteks yang berbeza diberikan skor yang rendah oleh responden. Item tersebut ialah “Saya membaca dan bercakap mengenai Qur'an/Bible/kitab suci dengan ibu bapa saya” [ $M=2.2600$ ] dan “Saya membaca dan bercakap mengenai Qur'an/Bible/kitab suci dengan rakan-rakan saya” [ $M=2.1730$ ]. Jadual 3 meringkaskan taburan konstruk perbincangan iman dalam kalangan responden.

Berikutnya adalah pengukuran sosialisasi agama berkenaan rujukan dalam perkara keimanan (*faith modeling*). Ia mengukur penilaian responden berhubung sejauhmana nilai dan amalan ibu bapa serta rakan menjadi rujukan dalam mengukuhkan keimanan yang mereka anuti. Kajian mendapati rata-rata responden mengakui secara positif bahawa ibu bapa sememangnya menjadi rujukan yang penting bagi mereka. Responden mengakui ibu bapa menjadi contoh yang baik pada mereka sebagai penganut agama [ $M=3.0704$ ]. Di samping itu, responden juga bersetuju dengan sikap dan kepercayaan ibu bapa mereka [ $M=3.4248$ ], mengakui bahawa ibu bapa mereka membuktikan keimanan mereka kepada Tuhan melalui

tingkah laku dan percakapan mereka [ $M=3.1413$ ] selain turut bersetuju bahawa ibu bapa mereka menjalani kehidupan berlandaskan keimanan pada setiap masa [ $M=3.0560$ ].

**Jadual 3 Taburan Min Responden Pelbagai Kaum berdasarkan Perbincangan Iman (n=1893)**

Bil.	Item	Min	S.P
1.	Saya membaca dan bercakap mengenai Qur'an/Bible/kitab suci dengan ibu bapa saya	2.2600	.90479
2.	Saya bersembahyang bersama ibu bapa saya	2.4889	.95226
3.	Ibu bapa dan saya bercakap mengenai bagaimana untuk menjadi sebagai seorang Islam/Kristian/Hindu/lain-lain	2.6640	1.01217
4.	Ibu bapa dan saya berbincang tentang bagaimana untuk menghampirkan diri kepada Tuhan	2.7847	1.03994
5.	Saya membaca dan bercakap mengenai Qur'an/Bible/kitab suci dengan rakan-rakan saya	2.1730	.91700
6.	Saya dan rakan-rakan bercakap mengenai bagaimana untuk menjadi sebagai seorang Islam/Kristian/Hindu/lain-lain	2.2697	.90339
7.	Saya dan rakan-rakan berbincang tentang bagaimana untuk menghampirkan diri kepada Tuhan	2.3296	.95358
8.	Saya bersembahyang bersama dengan rakan-rakan saya	2.7104	1.04202

Item-item yang sama juga digunakan dalam mengukur penilaian responden terhadap rakan mereka. Namun, kajian mendapati hanya item "Saya bersetuju dengan sikap dan kepercayaan rakan-rakan saya" sahaja diberi skor yang tinggi oleh responden dengan nilai [ $M=2.6472$ ]. Ini bermakna, selain bersetuju secara lebih positif terhadap sikap dan kepercayaan ibu bapa, rata-rata responden juga bersetuju dengan sikap dan kepercayaan rakan-rakan mereka. Jadual 4 meringkaskan taburan min responden pelbagai kaum berdasarkan konstruk rujukan dalam perkara keimanan.

**Jadual 4 Taburan Min Responden Pelbagai Kaum berdasarkan Rujukan dalam Perkara Keimanan (*Faith Modeling*) (n=1893)**

Bil.	Item	Min	S.P
1.	Ibu bapa menjadi contoh kepada saya memahami apa erti menjadi seorang yang benar-benar Islam/Kristian/Hindu /lain-lain	3.0704	.99884
2.	Saya bersetuju dengan sikap dan kepercayaan ibu bapa saya	3.4248	.86605
3.	Ibu bapa saya membuktikan keimanan mereka kepada Tuhan melalui tingkah laku dan percakapan mereka	3.1413	.97459
4.	Ibu bapa saya menjalani kehidupan mereka berlandaskan keimanan pada setiap masa	3.0560	.97683
5.	Rakan-rakan menjadi contoh kepada saya memahami apa erti menjadi seorang yang benar-benar Islam/Kristian/Hindu /lain-lain	2.3591	.96426
6.	Rakan-rakan saya menjalani kehidupan mereka berlandaskan keimanan pada setiap masa	2.3450	.92118
7.	Rakan-rakan saya membuktikan keimanan mereka kepada Tuhan melalui tingkah laku dan percakapan mereka	2.3490	.92340
8.	Saya bersetuju dengan sikap dan kepercayaan rakan-rakan	2.6472	.96111

saya

Konstruk terakhir kajian mengukur identifikasi dalam kumpulan. Ia mempersepsikan hubungkait responden dengan komuniti seagama berdasarkan pegangan agama responden. Kajian mendapati semua item yang diukur mendapat respon yang positif. Ini bermakna identifikasi responden dalam kumpulan seagama dilihat sangat baik. Daripada 11 item yang dinilai, 3 item mendapat skor min yang tertinggi. Item tersebut ialah “Kenyataan bahawa saya adalah orang Islam/Kristian/Hindu/lain-lain adalah sangat penting bagi identiti pengenalan saya” [ $M=4.4902$ ]; “Saya menyukai komuniti seagama dengan saya, dan tidak pernah terfikir untuk menukar kepercayaan yang saya anuti” [ $M=4.4830$ ] dan “Saya sentiasa sedar bahawa saya orang Islam/Kristian/Hindu/lain-lain” [ $M=4.4740$ ]. Jadual 5 meringkaskan taburan min responden berdasarkan identifikasi dalam kumpulan.

**Jadual 5: Taburan Min Responden Pelbagai Kaum berdasarkan Identifikasi dalam Kumpulan (n=1893)**

Bil.	Item	Min	S.P
1.	Saya rasa saya mempunyai ikatan yang kukuh dengan komuniti seagama dengan saya (Muslim/Kristian/Hindu/lain-lain)	3.8513	1.03867
2.	Saya rasa saya berpadu dengan komuniti seagama dengan saya	3.7887	.97604
3.	Saya rasa saya tanggung jawab kepada komuniti seagama dengan saya	3.8022	.99429
4.	Saya rasa senang hati menjadi orang Islam/Kristian/Hindu/lain-lain	4.5922	.93007
5.	Saya fikir ada banyak perkara yang patut dibanggakan dalam komuniti seagama dengan saya	4.2667	1.04703
6.	Adalah sesuatu yang menyeronokkan bila saya menjadi orang Islam/Kristian/Hindu/lain-lain	4.4621	.96997
7.	Menjadi orang Islam/Kristian/Hindu/lain-lain adalah menyentuh perasaan saya	4.2022	1.13074
8.	Saya menyukai komuniti seagama dengan saya, dan tidak pernah terfikir untuk menukar kepercayaan yang saya anuti	4.4830	1.02814
9.	Saya sentiasa sedar bahawa saya orang Islam/Kristian/Hindu/lain-lain	4.4740	1.00112
10.	Kenyataan bahawa saya adalah orang Islam/Kristian/Hindu/lain-lain adalah sangat penting bagi identiti pengenalan saya	4.4902	.96408
11.	Merasakan diri sebagai orang Islam/Kristian/Hindu/lain-lain penting untuk saya menilai diri saya	4.3866	.99268

## 5.0 PERBINCANGAN

Tahap pengamalan agama belia pelbagai kaum di Malaysia dalam kajian ini menunjukkan beberapa amalan penting keagamaan dilihat masih berada di tahap yang rendah. Kajian mendapati belia memberi perhatian yang kurang untuk membaca Quran (Muslim)/Bible (Kristian)/kitab suci (agama lain). Majoriti belia Cina mengakui mereka tidak pernah langsung membaca kitab suci agama yang mereka anuti. Peratusan belia Cina yang tidak pernah langsung membaca kitab suci mereka dalam kajian ini jauh mengatasi peratusan belia

Cina yang membaca secara kadang-kadang dan selalu. Rata-rata tidak sampai 21 peratus belia pelbagai kaum di Malaysia membaca Quran/Bible/kitab suci secara kerap.

Dalam konteks Islam masalah tidak membaca Quran mungkin disebabkan oleh sikap individu itu sendiri terhadap Quran seperti malas ataupun boleh jadi melibatkan isu kemahiran. Ini kerana masalah kebanyakan orang Islam di Malaysia yang tidak membaca Quran dikaitkan juga dengan isu ketidakmampuan membaca, tidak lancar ataupun ‘buta quran’ (Mohd Faisal *et al.*, 2008). Kajian Zaharah (2007) mendapat terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan membaca Quran dengan kekerapan membacanya. Justeru, sikap tidak mengendahkan Quran/Bible/kitab suci dalam konteks belia pelbagai kaum di Malaysia yang didapati dalam kajian ini seharusnya tidak boleh dipandang ringan atas kapasiti bahawa penganutnya sendiri yang telah mengiktiraf naskah-naskah ini sebagai dasar keimanan/kepercayaan yang dianuti.

Tindakan atau keputusan yang diambil oleh belia di Malaysia dalam kehidupan mereka juga dilihat sedikit mengabaikan tuntutan keimanan mereka. Tindakan atau keputusan yang membelakangkan prinsip keimanan ini boleh mengakibatkan belia terjerumus dalam tingkah laku yang tidak sihat di dalam kehidupan mereka. Pendedahan kes-kes jenayah melibatkan belia yang dilaporkan di media-media tempatan sebelum ini antara bukti yang nyata, akibat dari mengambil tindakan dan keputusan tanpa berdasarkan keimanan.

Haris (2004) menyatakan peningkatan dalam amalan keagamaan merupakan faktor kawalan utama dalam mengatasi keinginan untuk melakukan sesuatu yang melanggar nilai, norma serta undang-undang. Kajian Haris (2004) berhubung masalah sosial yang berlaku di bandar Semenanjung Malaysia mendapat sebanyak 22.8 peratus masyarakat di bandar mencadangkan agar pendekatan keagamaan digunakan dalam menangani masalah sosial yang berlaku.

Satu perkara penting yang turut perlu diperbincangkan dalam tulisan ini adalah mengenai keterlibatan belia pelbagai kaum di Malaysia pada tahap yang rendah dalam kerja sukarela melibatkan program keagamaan oleh institusi keagamaan (masjid/gereja/rumah ibadat). Adakah faktor upah menjadi keutamaan belia dalam menyumbangkan khidmat untuk agama berbanding ganjaran/pahala/kesan pada amalan sukarela yang dilakukan? Kelesuan belia dalam kerja sukarela keagamaan dalam konteks kajian ini memiliki sinonim dengan dapatan tahap sosialisasi agama belia yang akan dibincangkan selepas ini. Seolah-olah tidak ada motivasi atau minat dengan usaha mengukuhkan keimanan/kepercayaan dalam kalangan belia melalui aktiviti sosialisasi.

Kesukarelawan adalah sesuatu yang mulia. Kesukarelawan dikaitkan dengan pengorbanan seseorang ke atas masanya dan dirinya atau hartanya, ataupun mungkin nyawanya sekalipun semata-mata bertujuan untuk memberi manfaat kepada orang atau pihak lain. Prinsip asas kesukarelawan adalah tidak mengharapkan balasan yang serta merta seperti upah, jawatan, pengaruh dan sebagainya yang dikaitkan dengan pembalasan tunai dalam kehidupan dunia. Jatuh atau bangunnya agama misalnya, bergantung kepada sejauhmana kesediaan individu untuk mengorbankan masa, harta dan dirinya untuk mengembangkan agamanya. Konsep kesukarelawan itu sendiri adalah satu bentuk khidmat membantu atau menolong dengan hati yang tulus (Clary & Snyder, 1991; Omoto & Snyder, 1995; Penner, *et al.*, 2005).

Khidmat sukarela aktiviti agama dalam kalangan belia sebenarnya membantu belia mengukuhkan pegangan keimanan/kepercayaan terhadap agamanya sendiri. Walaupun zahirnya seolah-olah memberi khidmat kepada orang atau pihak lain melalui aktiviti keagamaan yang dijalankan, tetapi kesan yang lebih penting daripada khidmat sukarela ialah akan wujud perasaan kekitaan/kepunyaan (*self of belonging*) terhadap agama dalam diri belia itu sendiri. Belia yang banyak berkorban untuk agamanya melalui apa juga aktiviti yang mendarangkan kebaikan kepada agamanya, pasti tidak akan rela melihat agama yang dianutinya mundur dari segi amalan dan kesinambungannya.

Dalam konteks keluarga, perasaan kasih sayang atau tumpuan seorang ketua keluarga terhadap keluarganya sendiri pastinya tidak sama terhadap keluarga orang lain. Perbezaan tumpuan ini disebabkan pengorbanan ketua keluarga tadi terhadap keluarganya melebihi pengorbanannya terhadap keluarga orang lain. Sebarang kekurangan dalam keluarganya sendiri akan lebih cepat dirasai serta sedaya upaya cuba ditampung berbanding tindakan yang sama jika berlaku ke atas keluarga orang lain. Kesan *community religious involvement* dalam kalangan belia analoginya sama sahaja. Tetapi apa yang lebih penting dalam konteks pegangan agama ialah kesukarelawan yang dibincangkan merupakan satu bentuk amalan atau tindakan yang bukan sahaja bermaksud untuk memberi manfaat kepada orang atau pihak lain semata-mata malah ia sebenarnya mencerminkan sensitiviti belia terhadap satu bentuk amalan yang penting dalam agamanya sendiri.

Sosialisasi agama turut didapati jarang berlaku dalam konteks belia pelbagai kaum di Malaysia. Perbincangan subjek keimanan dengan orang lain berlaku pada tahap yang sedikit khususnya dengan rakan sebaya. Kajian ini membuktikan aktiviti perbincangan mengenai Quran/Bible/kitab suci dalam kalangan belia berlaku pada skala yang kecil bukan sahaja ketika bersama rakan-rakan bahkan ketika bersama dengan ibu bapa. Tidak hairan mengapa dapatan sebelum ini menunjukkan terdapat sikap segelintir belia yang dikaji tidak mengendahkan Quran/Bible/kitab suci. Nampaknya, perkara ini dilihat bukan fokus perbincangan atau perbualan harian mereka. Bagaimana belia mahu merasakan Quran/Bible/kitab suci itu penting dalam kehidupan mereka sedangkan semacam tidak ada minat untuk dibincangkan dalam kalangan mereka.

Walaupun seperti yang dijangkakan, rata-rata kajian ini memperlihatkan sosialisasi agama belia dengan ibu bapa jauh lebih baik ketika bersama rakan-rakan, namun dapatan ini sebenarnya memiliki perspektif yang baik dari satu sudut tetapi tidak pada sudut yang lain. Hoffman (1996) menjelaskan keluarga membentuk personaliti seseorang sejak kecil dan terus memberikan pengaruh yang amat besar kepada tingkah laku, sikap dan pemikiran seseorang ke alam dewasa. Sosialisasi agama dilihat berlaku dalam konteks belia dengan ibu bapa walaupun terdapat sudut penting perbincangan mengenai Quran/Bible/kitab suci yang dikaji kelihatan seperti dipinggirkan.

Menilai semula item pengukuran, jalinan sosialisasi agama belia dengan ibu bapa yang berlaku merupakan satu perspektif yang sangat diperlukan oleh belia dalam konteks pegangan agama mereka. Ia penting, perlu dipertahankan bahkan perlu dilazimi. Tetapi dari sudut yang lain, jalinan sosialisasi agama dengan rakan-rakan yang lemah merupakan sesuatu yang tidak sihat. Ia berpotensi mengancam kesan positif yang terhasil dari sosialisasi agama yang wujud antara belia dengan ibu bapa mereka. Sosialisasi agama di satu pihak yang lebih dominan berpotensi mengkesani pegangan agama belia.

Pendekatan keagamaan yang berbentuk *social inclusive* melalui proses sosialisasi dikatakan mampu mencegah masalah sosial yang berlaku (Haris, 2004) khususnya dalam kalangan belia. Hashim *et al.*, (2008) menyatakan komunikasi dua hala amat berkesan dalam membendung aktiviti salah laku di mana belia menjadi rakan pada kedua ibu bapa. Begitu juga dengan konteks sosialisasi dengan rakan, kajian Khadijah *et al.*, (2012) berkaitan hamil luar nikah dalam kalangan remaja mendapati hampir semua responden (13-17 tahun) yang ditemubual mengakui bahawa mereka mendapat pengetahuan mengenai seks melalui rakan sebaya.

Jika perbincangan mengenai satu-satu perkara dilihat mampu meningkatkan pengetahuan tentang perkara tersebut, maka perbincangan iman dalam kalangan belia itu sendiri atau bersama dengan keluarga merupakan langkah yang penting dalam konteks pegangan agama. Perbincangan iman yang longgar serta jarang berlaku dalam konteks sosialisasi agama khususnya dengan rakan sebaya dalam dapatan kajian ini wajar diperhalusi dan diberi tumpuan oleh semua pihak bagi menyokong peningkatan tahap pegangan agama belia pelbagai kaum di Malaysia.

## **6.0 KESIMPULAN**

Ringkasnya, agama merupakan sesuatu yang signifikan dalam diri belia pelbagai kaum di Malaysia. Walaupun tahap pengamalan agama belia pelbagai kaum di Malaysia masih rendah, namun belia di Malaysia menjustifikasi identifikasi agamanya dalam konteks yang umum secara yang positif. Walaupun ia merupakan satu perkara yang boleh dihujahkan kerana pegangan agama dikaitkan dengan pengamalannya namun sekurang-kurangnya masih terdapat banyak ruang untuk difikirkan tentang bagaimana aspek amalan agama dapat diteguhkan dalam kalangan belia di Malaysia. Persoalan tentang bagaimana bual bicara agama boleh menjadi minat yang diisi dalam jalinan sosialisasi agama belia perlu diakui sebagai sesuatu yang masih longgar dan berlaku ketika negara membincangkan belia sebagai aset penting dalam pembangunan negara. Pemisahan agama dalam kehidupan belia nyata memberi implikasi yang negatif seperti yang dibuktikan dalam kajian-kajian sebelum ini. Justeru, belia di Malaysia perlu memahami bahawa pegangan agama perlu dibuktikan dengan pengamalannya bagi menjadikan kehidupan mereka lebih unik, membawa kebaikan kepada seluruh makhluk penciptaan dan meredahkan ‘Pencipta’ mereka.

## **RUJUKAN**

- Clary, E.G. & Snyder, M. 1991. A functional analysis of altruism and prosocial behavior. In M.S. Clark (Ed.), *Review of Personality and Social Psychology: Vol. 12, Prosocial Behavior*, 119-148.
- Corcoran, J. & Nichols-Casebot, A. 2004. Risk and resilience ecological framework for assessment and goal formulation. *Child and Adolescent Social Work Journal*, 21, 211-235.
- Donahue, M. & Benson, E.L. 1995. Religion and the well-being of adolescents. *Journal of Social Issues*, 51(2), 145-160.
- Emmons, Robert A. 1999. Religion in the psychology of personality: An introduction. *Journal of Personality* 67(6), 873-889.
- Erikson, E.H. 1964. *Insight and Responsibility*. New York: Norton.
- Erikson, E.H. 1968. *Identity: Youth and Crisis*. New York: Norton.
- Fauziah, I., Norulhuda, S., Khadijah, A., Mohd Suhaimi, M., Noremy, M.A. & Salina, Nen. 2012. Empowering Knowledge of Religiosity among Delinquent Teenagers Behavior:

- Towards a Prosperous Formation of Teenagers Morals. *e-Bangi Journal of Social Science and Humanities*, Vol. 7(1), 84-93.
- Firth, R. 1961. History and Traditions of Tikopia. Polynesian Society Memoir Number 33. Wellington: The Polynesian Society.
- Francis, L.J. 1997. The impact of personality and religion on attitudes towards substance use among 13-15 year olds. *Drug and Alcohol Dependence*, 44(2-3), 95-103.
- Garbarino, James. 2000. Lost boys: Why our sons turn violent and how we can save them. New York: Free Press.
- Gorsuch, R. L. 1995. Religious aspects of substance abuse and recovery. *Journal of Social Issues*, 51(2), 65-83.
- Haris, A.W. 2004. Masalah Sosial di Bandar Semenanjung Malaysia: Tinjauan dari Perspektif Masyarakat Malaysia. *Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. 9(1), 55-74.
- Hashim, K. Mohd Fahmi, M.S. & Syed Mohamed Syafeq, S.M. 2008. Keruntuhan Ahlak dan Gejal Sosial dalam Keluarga: Isu dan Cabaran. Fakulti Pendidikan, UTM, Skudai, Johor.
- Hoffman, L. 1996. Progress and Problems in the Study of Adolescence. *Developmental Psychology*, 32, 777-780.
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. Fakta Belia. Diakses pada 29 Mei 2013 di alamat: <http://www.ippbm.gov.my>.
- Jalaludin, H. 2004. Psikologi Agama. Jakarta, Pt. Raja Grafindo Persada.
- Johnson, B. R., Tomkins, R. B. & Webb, D. 2002. Objective hope: Assessing the effectiveness of faith-based organizations: A review of the literature. University of Pennsylvania Center for Research on Religion and Urban Civil Society, Research Report.
- Kamus Dewan, 2000. Kamus Dewan Edisi Ketiga. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Khadijah, A., Salina, N., Fauziah, I., Noremy, M.A., Mohd Suhaimi, M., Noorhasliza, M.N. 2012. Hamil Luar Nikah dalam kalangan Remaja. *e-Bangi Journal of Social Science and Humanities*, Vol. 7(1), 131-140.
- Khadijah, A., Fauziah, I., Mohd Suhaimi, M., Wan Shahrazad, W.S., Salina, N. & Norulhuda, S. 2013. Tahap Pengetahuan Agama dalam kalangan Banduan Parol: ke arah Pembentukan Akhlak Sejahtera. *e-Bangi Journal of Social Science and Humanities*, Vol. 8(2), 1-10.
- Krauss, Steven E., 2011. Model Development for Risk and Causal Factors of Malaysian Youth Apostasy. Fundamental Research Grant Scheme (FRGS), Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Leach, C.W., Van Zomeren, M., Zebel, S., Vliek, M., Pennekamp, S.F., Doosje, B. Ouwerkerk, J.P. & Spears, R. 2008. Group-level self-definition and self-investment: A hierarchical (multi-component) model of in-group identification. *Journal of Personality and Social Psychology*, 95, 144-165.
- Michelle, C., Thomas, R.M. & Sinyangwe, I.M. 1989. Adolescent Conceptions of Moral. *Youth & Society*, 21 (2).
- Mc Cullough, M.E. & Willoughby, L.B. 2006. Religion, Self-Regulation and Self Control: Association, Explanation and implication. *Psychological Bulletin*, 135(1), 69-93.
- Mohd Faisal, Mohammad Zawawi & Rahimi. 2008. Celik al-Quran: Cabaran dan Realiti dalam Pendidikan Islam di Sekolah. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Omoto, A.M. & Snyder, M. 1995. Sustained helping without obligation: Motivation, longevity of service, and perceived attitude change among AIDS volunteers. *Journal of Personality and Social Psychology*, 68, 671-686.

- Penner, L.A., Dovidio, J.F., Piliavin, J.A. & Schroeder, D.A. 2005. Prosocial Behavior: Multilevel Perspectives. *Annual Review of Psychology*, 56, 365-92.
- Piliavin, J.A., & Charng, H.W. 1990. Altruism: A Review of Recent Theory and Research. In W. R. Scott, & J. Blake (Eds.). *Annual Review of Sociology*. 16: 27-65. Palo Alto, CA: Annual Reviews, Inc.
- Robiah, K.H., 2001. Remaja dan Pengurusan Diri. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sabiq, S. 1993. Aqidah Islam: Pola Hidup Manusia Beriman. Indonesia: Diponegoro.
- Schwartz, K.D. 2006. Transformations in Parent and Friend Faith Support Predicting Adolescents' Religious Faith. *The International Journal for The Psychology of Religion*, 16(4), 311-326.
- Syarifah, M.N., Turiman, S., Syamsilah, R., Rahil, M., Haslinda, A., Ismi Arif, I. & Mursyid, A. 2010. *Laporan Kajian Fenomena Merempit dan Potensi Remaja Lasak di FELDA*. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Steinman, K.J. 2004. Religious activity and risk behavior among African American adolescents: Concurrent and developmental effects. *American Journal of Community Psychology*, 25(1), 117-122.
- Stanley, R.A. 1904. The Aggression Influence of Non-hostile Humor. Dalam: Psikologi kanak-kanak dan Remaja. Jas Laile Suzanne Ismail (ed.) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wallace, J.M., Yamaguchi, R., Bachman, J.G., O'Malley, P.M., Schulenberg, J.E. & Johnston, L.D. 2007. The role of individual and contextual influences. *Social Problems Journal*, 54 (2), 308-327.
- Williams, Lee M. & Lawler, Michael G. 2001. Religious Heterogamy and Religiosity: A Comparison of Interchurch and Same-Church Individuals. *Journal for the Scientific Study of Religion*, 40 (3), 465-478.
- Zaharah, B. 2007. Amalan Membaca al-Quran di kalangan Pelajar Sekolah Menengah Daerah Port Dickson. UKM: Bangi.

Dzuhailmi Dahalan, Steven Eric Krauss, Azimi Hamzah & Abd Hadi Sulaiman  
Institut Pengajian Sains Sosial

Universiti Putra Malaysia

Corresponding Author: [dzuhailmi@gmail.com](mailto:dzuhailmi@gmail.com)